

20/07/1998

Peserta GDW Perak perlu lebih komited

IPOH, Ahad - Penduduk luar bandar, khususnya perkampungan yang menyertai program Gerakan Desa Wawasan (GDW) di Perak perlu lebih komited untuk mengubah corak kehidupan mereka agar lebih produktif.

Pengerusi GDW Perak, Datuk Ramly Zahari, berkata perubahan itu perlu bagi memastikan hasrat kerajaan menyemai fikiran positif di kalangan rakyat luar bandar melalui gerakan itu mencapai sasarannya.

Menurutnya, melalui GDW, penduduk kampung diharap menggerakkan diri untuk melakukan perubahan supaya sentiasa peka dan mengambil peluang untuk dieksploitasi sebagai sumber pendapatan bagi menaikkan taraf ekonomi.

Katanya, langkah itu secara tidak langsung dapat mengurangkan kebergantungan rakyat kepada bantuan kerajaan semata-mata, sebaliknya mendorong mereka berdikari.

"GDW sepatutnya menjadi landasan kepada masyarakat kampung untuk mengubah diri mereka bagi menghadapi zaman baru yang serba mencabar.

"Diharap dengan adanya program berkenaan, penduduk desa menggilap semula semua tradisi dan sikap positif yang diamalkan nenek moyang untuk diteruskan kerana ia mampu melahirkan masyarakat dinamik," katanya.

GDW yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Felcra Seberang Perak, dekat Kampung Gajah pada 1996 bertujuan menanamkan semangat kerajinan yang tinggi di kalangan penduduk luar bandar dengan menjadikan diri mereka peneraju perubahan.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar memilih 3,000 kampung sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) untuk menyertai GDW di seluruh negara dengan membelanjakan RM20.8 juta setakat ini.

Kementerian itu turut melatih anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) melalui kursus khas untuk melaksanakan program GDW di kampung masing-masing.

Ramly yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri berkata, masyarakat desa perlu sedar bahawa di sekeliling mereka penuh dengan pelbagai input yang boleh diusahakan untuk menjadi sumber pendapatan.

Menurutnya, mereka juga perlu kreatif untuk mengeksploitasi sesuatu benda baru supaya dapat menarik perhatian orang ramai.

Beliau juga mengingatkan penduduk di 96 kampung di negeri ini yang menyertai GDW agar mengetepikan sebarang perbezaan politik bagi memastikan program itu mencapai matlamatnya.

(END)